



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Yang Di Pertua
DATO' MOHAMED BIN GADING
DPMT, JSM, KMN, AMN, AMP,
FISM

Pendaftar
ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM
AMP, MIS (M)

Setiausaha
RATNA MAHYUDDIN
FISM

CIRCULAR NO. 2/2007

Date : 31 January 2007

To : All Organisers of CPD Programmes

Dear Y.Bhg. Dato'/ Sir/ Madam,

NOTICE TO ALL ORGANISERS OF CPD PROGRAMMES

Please be informed that the Board of Quantity Surveyors Malaysia (BQSM) at its meeting held on 25 January 2007 has decided on the following, with effect from the date of this circular;

1.0 Application For Approval Of CPD Event And CPD Credit Points

- 1.1 Any party other than the Board, who wishes to organise or participate in any CPD events with the intention of obtaining 'CPD credit point' must apply in writing to the Board for accreditation at least **two (2) months before** the proposed date of the event (reference made to Clause 5.3 on 'CPD Events & Accreditation' in the CPD Guidelines For Quantity Surveyors Revised 2004). The Board will decide on the number of credit point and the Board's decision on this matter is final. The Board reserves the right not to entertain any application from organizer for their CPD events which has already been conducted in the past.
- 1.2 However, all Registered Quantity Surveyors and Registered Graduate Quantity Surveyors who have attended those seminars, in-house training programmes etc can submit an application for CPD point(s) directly to the Board.
- 1.3 The Board reserves the right to conduct inspection visit on the events organized by the organizer which application has been approved by BQSM. With effect from January 2007 onwards, the Board will be conducting inspection visits on random basis to all CPD programmes approved, especially for in-house training programmes in order to ensure that the integrity and the quality on the conduct of the CPD programme be maintained.

2.0 Notice On The New CPD Bank Account No.

- 2.1 All transaction of payment for CPD credit points applications and the 5% fee imposed on Registered QS who have attended the CPD programme shall be made payable to the new CPD account no. as follows:


Name : **LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA-AKAUN CPD**
Account No. : **5641 5522 1572**
Bank : Maybank Berhad
Branch : Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur

3.0 Verification for attendance at any CPD Programme approved by BQSM

- 3.1 All organisers of CPD points are required to submit the duly signed attendance lists by participants not later than 2 weeks after the date of the event. For events lasting more than one day, participants are required to sign for each day the programme was held.
- 3.2 Please note that all organizers of CPD programmes shall provide the certificates of attendance or any other proof of attendance to all participants, especially BQSM members who have attended the programmes, so that they can submit the proof to the Board for verification. However, organizers who cannot provide the certificates of attendance or any other proof of attendance to BQSM members can use the attached verification form of attendance as proof of attendance.

All organizers of CPD programmes are advised to comply with all the conditions stipulated above. Thank you.

By Order Of The Board,



Abd. Shukor bin Ibrahim
Registrar
Board of Quantity Surveyors Malaysia



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Yang Di Pertua
DATO' MOHAMED BIN GADING
DPMT, JSM, KMN, AMN, AMP,
FISM

Pendaftar
ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM
AMP, MIS (M)

Setiausaha
RATNA MAHYUDDIN
FISM

PEKELILING NO. 2/2007

Tarikh : 31 Januari 2007
Kepada : Semua Penganjur Program CPD

Y.Bhg. Dato' / Tuan/ Puan,

NOTIS KEPADA SEMUA PENGANJUR PROGRAM CPD

Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) yang bersidang pada 25 Januari 2007 telah menetapkan mengenai perkara-perkara berikut, berkuatkuasa daripada tarikh surat pekeliling ini;

1.0 Permohonan Kelulusan Program CPD Dan Poin Kredit CPD

- 1.1 Mana-mana pihak selain daripada LJBM yang ingin menganjurkan atau turut serta dalam mana-mana program CPD dengan niat ingin mendapatkan 'Poin Kredit CPD' hendaklah memohon secara bertulis kepada pihak Lembaga tidak kurang dari **dua (2) bulan** daripada jangkaan tarikh program diadakan (rujukan kepada peruntukan 5.3 mengenai 'CPD Events & Accreditation' yang terkandung di dalam Garispanduan CPD bagi Juruukur Bahan Pindaan Julai 2004). Pihak Lembaga akan mempertimbangkan poin kredit CPD sewajarnya dan keputusan tersebut adalah muktamad. Pihak Lembaga juga berhak untuk tidak mempertimbangkan mana-mana permohonan bagi program CPD yang diterima selepas daripada tarikh program diadakan.
- 1.2 Walaubagaimanapun, Juruukur Bahan Berdaftar & Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar yang telah menghadiri program-program CPD tersebut termasuk program latihan 'in-house' boleh mengemukakan permohonan rayuan poin kredit CPD secara terus kepada pihak Lembaga untuk dipertimbangkan pemberian poin kredit.
- 1.3 Sila ambil maklum bahawa LJBM mempunyai hak untuk mengadakan lawatan pemerhatian ke atas program-program anjuran pihak penganjur yang telah diluluskan oleh LJBM. Berkuatkuasa daripada bulan Januari 2007, LJBM akan mengendalikan lawatan pemerhatian secara rawak ke atas program-program anjuran pihak penganjur terutamanya program-program latihan in-house bagi memastikan integriti dan kualiti penganjuran program CPD dikekalkan.

2.0 Notis Pemberitahuan No. Akaun Bank Baru Bagi CPD

- 2.1 Semua transaksi pembayaran yang melibatkan permohonan poin kredit CPD dan bayaran sebanyak 5% yang dikenakan ke atas setiap Juruukur Bahan Berdaftar yang menghadiri kursus yang dianjurkan hendaklah dibuat melalui no. akaun baru CPD seperti di bawah;

Nama : **LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA-AKAUN CPD**
No. Akaun : **5641 5522 1572**
Bank : Maybank Berhad
Cawangan : Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur


3.0 Pengesahan Kehadiran Bagi Program CPD Yang Diluluskan Oleh LJBM

- 3.1 Semua penganjur program CPD dikehendaki untuk mengemukakan senarai kehadiran yang telah ditandatangani oleh semua peserta program selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas daripada tarikh program diadakan. Bagi program CPD yang berlangsung lebih daripada satu (1) hari, peserta kursus dikehendaki menurunkan tandatangan pada setiap hari program tersebut diadakan.
- 3.2 Sila ambil maklum bahawa penganjur program CPD dimestikan untuk menyediakan sijil penyertaan atau lain-lain bukti penyertaan kepada semua peserta program, khususnya Juruukur Bahan berdaftar dengan LJBM bagi membolehkan mereka menyertakan bukti tersebut untuk pengesahan daripada LJBM. Walaubagaimanapun penganjur yang tidak dapat menyediakan sijil penyertaan atau lain-lain bukti penyertaan kepada Juruukur Bahan berdaftar dengan LJBM bolehlah menggunakan borang pengesahan kehadiran penyertaan yang dilampirkan sebagai bukti pengesahan.

Semua penganjur program CPD dinasihatkan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di atas.

Sekian, terima kasih.

Dengan Perintah Lembaga,



Abd. Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia